

08 AUG 2003

Sukan-Malik

MALIK SEDIA CURAH PENGALAMAN KEPADA GENERASI MUDA

SEPANG, 8 Ogos (Bernama) -- Perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin tidak akan mempersia-siakan pengalaman yang diperolehinya sepanjang misi beliau merentasi Selat Inggeris, sebaliknya sedia mencurahkan kepada mereka yang berminat.

Ketika ditemui media selepas majlis sambutan ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini hari ini, Malik berkata beliau percaya cara itu dapat membantu memupuk semangat kental generasi muda untuk berusaha melakukan aktiviti yang boleh membanggakan rakyat dan meningkatkan imej negara.

Abdul Malik, 28, yang menaiki pesawat Penerbangan Malaysia MH01 dari London, tiba di KLIA jam 6 petang tadi dan diberikan sambutan sebagai wira Malaysia.

Ketibaan perenang itu disambut dengan sorakan "Malaysia Boleh" oleh lebih 1,000 pelajar Institut Kemahiran Belia Negara seluruh negara dan orang ramai yang menunggu kepulangnya.

Turut menyambut beliau ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan timbalannya Datuk Ong Tee Keat serta pelayar negara Datuk Azhar Mansor yang berjaya mengelilingi dunia secara solo pada 1999.

Ditanya mengenai pengajaran bermakna yang diperolehi beliau semasa melakukan renang bersejarah itu, Abdul Malik berkata renang itu banyak mengajar beliau erti kesabaran.

"Kalau seseorang itu ingin mencapai sesuatu, dia perlu banyak bersabar dan melihat sesuatu cabaran itu sebagai sesuatu yang bukan mudah. Niat ikhlas untuk melakukan sesuatu itu juga penting," katanya.

Abdul Malik berkata tekad dan kesabaran yang tinggi telah banyak membantu beliau merealisasikan impiannya selama ini untuk melakukan cubaan merentasi Selat Inggeris.

Menceritakan mengenai pengalaman di lima kilometer terakhir renangnya, beliau berkata ia adalah suatu pengalaman yang begitu mencabar minda dan fizikal berikutan ombak dan arus yang kuat.

Menurut Abdul Malik, beliau seperti sudah tidak berupaya lagi meneruskan renang berikutan ombak dan arus kuat yang menghalang renangnya.

"Untuk menghabiskan lima kilometer itu saya terpaksa mengambil masa selama lima jam. Kudrat saya masa itu sudah tidak ada. Tapi berkat doa dan sokongan semua, saya cekalkan hati untuk meneruskan renang," katanya.

Abdul Malik bagaimanapun tidak bercadang melakukan sebarang rancangan untuk melakukan renang selepas kejayaan itu.

Secara berseloroh Abdul Malik berkata: "Saya tak mau fikir apa-apa lagi. Lepas ni saya nak rehat."

-- BERNAMA

FA HS ROS